

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 48 RABU 2 DISEMBER 1970 1390 رابو 2 شوال PERCHUMA

TITAH D.Y.M.M. DARI LONDON SEMPENA HARI RAYA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei dalam titah khas yang di-rakam di-London telah menguchapkan "Selamat Hari Raya" kepada seluroh rayaat Islam khas-nya dan penduduk negeri ini umum-nya.

Rakaman titah khas Baginda itu telah tiba dari London lewat petang kelamarin dan telah di-siar-kan melalui Radio Brunei pada pukul 8.15 malam tadi.

Duli Yang Maha Mulia sedang berada di-London bersama2 dengan ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan bagi mengadakan perundingan2 dengan Kerajaan British mengenai dengan hubungan masa depan Brunei dan Britain.

Dalam rombongan Baginda itu termasuk juga Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolikiah dan Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Dalam titah Selamat Hari Raya itu, Baginda menekankan bahawa ibadah puasa yang kita jalani dari terbit fajar hingga waktu maghrib di-sepanjang bulan Ramadhan ada-lah suatu rukun yang di-kurniakan oleh Allah sa-bagai pengajaran2 dan tauladan2 ketabahan disiplin dan bersabar.

Titah Baginda, "Sifat yang berdisiplin itu, kita sa-bagai Umat Islam, tegas-nya rayaat beta yang di-kasih sekalian amat-lah memerlukan, terutama sekali pada jangka waktu peredaran ini. Negeri Brunei Darussalam sedang dan akan terus memasok satu kehidupan yang mengandungi beberapa sifat dan churak yang belum pernah kita alami pada dulu2-nya."

"Dengan sebab itu, Kerajaan Beta sentiasa mengamati2 rayaat Beta dari sa-senap peringkat terhadap persepuaian masing2 pada mempermainkan peranan-nya bagi mengelokkan kebajikan dan berkebajikan — demikian juga menehgi atau melarang membuat kejahatan dan melarang membuat perbuatan yang akan mendatangkan kejahatan Negeri Brunei Darussalam," titah Baginda.

Duli Yang Maha Mulia juga menguchapkan Selamat Hari Raya kepada anggota2 pasukan2 keselamatan sama ada yang bertugas dalam pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei mahu pun pasukan

Pulis Di-Raja dan tentera Baginda Queen.

Dengan perasaan yang tulus ikhlas, Baginda menguchapkan terima kaseh kepada mereka itu yang tidak putus2 mengawal negeri untuk mempertahankan keamanan dan kesentosaan laila isi negeri kita semua.

"Usaha2 ini sangat-lah di-hargai oleh semua rayaat yang chintakan keselamatan, keamanan dan ketenteraman," titah Baginda lagi.

Baginda bertitah selanjut-nya bahawa soal negara ada-lah satu soal yang amat penting pada kita semua pada merenongkan kebahagiaan di-masa hadapan kita semua.

"Soal yang amat penting itu-lah juga membawa Beta berangkat untuk berunding dengan sahabat Beta yang paling ikrah ia-itu United Kingdom," titah Baginda.

(Titah Baginda sa-penoh-nya di-siar-kan di-muka 4, sementara sabda khas dari Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim di-siar-kan di-muka 8).

SABDA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN

ALLAHHU-AKHBAR, Allah-hu-akhbar Wafil-lah hiliham, dengan ingatan laila muhibbah di-hari baik dan bulan berbhagia ini khas-nya kepada laila umat muslimin dan pada umum-nya kepada laila isi dalam Negeri Brunei Darus-salam.

Beta dan keluarga beta menguchapkan bersama2 berhari raya dan dengan sukut sempena hari raya yang berkat ini kita berdo'a kepada Tohan Allah Subahanahu-wataala limpahkan rahmat kebajikan kepada kita semua dengan perasaan bertulus mesra ka-arrah pada menghalalkan laila hasrat hati ikhlas laila jujur yang akan melambangkan nama baik Negeri Brunei dan pada mendaftarkan Duli Yang Maha Mulia dan Yang Di-Pertuan serta kerajaan-nya ka-arrah kebahagiaan memancarkan laila kebajikan serta mudah2an Allah Subahanahu-Wataala akan memberikan petunjuk-Nya kepada kita dan segala laila ikhtiar dan segala laila usaha di-berkati-nya dan semoga Tohan Rabul Alamın memanjangkan umur kita sentiasa berkebajikan sa-bagai laila ibadah dan amalan yang salih berkekalan sa-lama2-nya."



Bagini-lah suasana penoh sesah di-tambatan Kastam Di-Raja ketika jemaah2 haji berlepas meninggalkan tanah ayer. Gambar ini di-ambil dalam tahun lepas.

Bakal2 Haji selamat belayar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari lima ribu orang telah membanjiri tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Seri Begawan untuk menguchapkan selamat belayar kepada 172 orang jemaah haji Brunei yang telah berlepas ka-Labuan dalam perjalanan mereka ka-Mekah pada tengah hari kemarin.

Bakal2 haji telah belayar dengan tiga buah kapal kerajaan ka-Labuan dan dari sana mereka belayar ka-Jeddah melalui Singapura dengan menaiki kapal Haji Anshun.

Sementara barang2 jemaah bakal haji telah di-bawa oleh dua kapal kerajaan yang belayar ka-Labuan lebih awal dari mereka.

Pegawai Urusan Haji, Awang Kassim bin Haji Ahmad dan beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah mengiringi bakal2 haji itu hingga ka-Labuan, sementara Awang Mohammad bin Gemok, sa-orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengiringi mereka hingga ka-Pulau Pinang.

Sa-belum bakal2 haji itu belayar ka-Labuan, mereka telah mende-nghar sharahan khas mengenai dengan pekerjaan haji yang di-sampaikan oleh Awang Abdul Hamid bin Bakal, Penguasa Pelajaran Ugama Islam.

Ini telah di-ikuti oleh ucapan nasihat yang di-sampaikan oleh Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Dalam ucapan-nya yang ringkas itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain juga menerangkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menctapkan dua orang sheikh bagi jemaah2 haji Brunei.

Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja menerangkan bahawa dengan penctapan dua orang sheikh itu ialah:-

- Supaya jemaah2 haji terkumpul dalam dua sheikh sahaja, dan sa-boleh2-nya pada tahun yang akan datang sa-orang sheikh sahaja.
- Akan menyenangkan perhubungan dan pentadbiran dalam menguruskan kepentingan jemaah2 haji Brunei.
- Supaya perbelanjaan bakal2 haji akan dapat di-terima oleh sheikh haji Brunei yang mana boleh di-anggap sa-bagai bantuan kepada Sheikh Brunei.
- Supaya jemaah2 haji Brunei tidak menjadi rebutan (bahan jual beli) oleh sheikh2 lain.
- dengan berkat jemaah haji Brunei terkumpul dalam satu dua sheikh sahaja, mereka akan lebih senang bertolong2-an dan bantu membantu.

Do'a selamat atas keberangkatan bakal2 haji itu telah disampaikan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Ldana Khatib Awang Haji Tamin bin Abdul Hamid, sementara azan telah di-sampaikan oleh Mudim Awang Mohamed Yusof bin Abdul Latif.

4,105 orang kanak2 masok sekolah tahun 1971

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran telah mendaftarkan, sa-ramai 4,105 orang kanak2, termasuk 1,943 orang perempuan, yang telah di-lahirkan sa-belum 1 Januari tahun 1966 bagi di-terima masok, ka-sekolah2 Melayu tahun depan.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata, dari jumlah itu, sa-ramai dua ribu lima ratus tiga puluh dua orang ada-lah dari Daerah Brunei-Muara, enam ratus lima puluh tiga orang dari Daerah Tutong, tujuh ratus lima belas orang dari Daerah Belait, dan dua ratus enam orang dari Daerah Temburong.

Murid2 baru itu, akan di-terima masok ka-sekolah2 Melayu pada 5 Januari, 1971.

Asrama siap tahun depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja pembenaan bagi asrama2 Sekolah Menengah Melayu, di-Jalan Muara dekat Bandar Seri Begawan, sekarang ini sudah hampir siap.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata, asrama2 itu boleh menampung 1,000 orang penuntut. ia-itu 600 orang penuntut lelaki, 400 perempuan; dan mereka akan tinggal di-asrama2 yang berasingan.

Penuntut2 yang akan tinggal di-asrama2 itu, ia-lah mereka dari Kuala Belait, Seri Tutong, Temburong dan kawasan2 pendalaman.

Penuntut2 yang tidak akan tinggal di-asrama2 sekolah itu, akan di-sediakan kenderaan pergi dan balik dari sekolah.

Lebeh kurang 1,000 orang penuntut belajar di-sekolah itu, yang di-buka bagi pertama kali, pada bulan Januari tahun ini.

Sekolah itu boleh menampung sa-ramai 2,000 orang penuntut.



Pembenaan jalan raya baru Labi berjalan lancar

KUALA BELAIT. — Kerja membena jalan yang menghubungkan Rempayoh, Labi dan Bukit Puan dengan jalan Brunei/Kuala Belait sedang berjalan dengan baik menurut rancangan.

Jalan raya sa-panjang 29 batu itu termasuk jalan yang ada sekarang dari Bukit Puan ka-suatu tempat di-atas Rempayoh yang di-bena oleh Sharikat Minyak Shell Brunei semasa kerja menchari minyak.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya di-Belait berkata, jalan sa-panjang 10 batu

dari simpang di-Sungai Liang telah di-bubuhkan dengan asfal.

Kerja mengukuhkan jalan dari Sungai Mau ka-Bukit Puan, sa-jauh dua batu akan siap tidak lama lagi.

Juruchakap itu berkata, kerja menyusun batu dari Bukit Puan ka-Labi telah sampai sa-jauh tujuh batu dan akan siap dalam masa tiga bulan.

Projek itu akan mempunyai lima jambatan konkrit yang mana dua telah siap dan tiga buah lagi hampir2 siap.

Ia-nya juga akan mempunyai tujuh jambatan Bailey di-antara Bukit Puan dan Rempayoh yang panjang sekali ia-lah 600 kaki.

Juruchakap itu berkata, ada-nya lalu lintas di-tempat itu ada-lah salah satu masa'-alah kechil maseh di-hadapi sekarang.

Projek itu telah di-mulakan dalam tahun 1960 untuk mengadakan jalan pengganti ka-kawasan itu.

Perlawanan bola keranjang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bola Keranjang Ametor Negeri Brunei akan menghantar sa-pasokan pemain lelaki dan sa-pasokan pemain2 perempuan ka-lawanan kejohanan bola keranjang antara wilayah di-antara Brunei, Sabah dan Sarawak dalam bulan depan.

Kejohanan itu akan diadakan di-Sandakan, Sabah dari 20 hingga 22 Disember.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, meshuarat akan di-adakan tidak lama lagi untuk membinchangkan perkara tersebut.

Gambar menunjukkan sa-bahagian dari 40 ekor lembu betina jenis Kedah yang telah di-beli oleh Jabatan Pertanian di-bawah rancangan meniggikan lagi mutu ternakan di-negeri ini yang telah tiba dari Malaysia Barat baru2 ini.

Lembu2 itu sekarang di-pelihara oleh kaki tangan haiwan jabatan itu di-steshen pertanian Luahan.

Pegawai Haiwan, Awang C. V. Subramaniam ketika menyatakan bahawa lembu2 betina itu akan di-kahwinkan dengan lembu2 jantan jenis Santa Gertrudis.

Dengan ketibaan 40 ekor lembu itu, jabatan pertanian sekarang mempunyai lebeh dari 100 ekor lembu jenis Kedah itu.

Enam puluh empat ekor daripada-nya di-beli dalam dalam tahun 1968.

Pada tahun itu juga, Jabatan Pertanian membeli enam ekor lembu jenis Santa Gertrudis dari Brisbane, Australia — empat daripada-nya betina.

Di-samping itu juga, Jabatan Pertanian telah membeli 12 ekor kumbing dari Negeri Kedah untuk ternakan.

Penuntut2 balek berchuti

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujuh orang penuntut2 Brunei, dari Maktab Tunku Ampuan Mariam di-Johore Bahru, telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu, kerana chuti persekolahan.

Penuntut2 itu baru saja tamat mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Mereka ia-lah Dayang Zaleha binte Haji Mohidin, Dayang Siti binte Gapor, Dayang Jariah binte Metali, Dayang Mahal binte Lazan, Dayang Rusinah binte Murni, Dayang Mariam binte Mohamed, dan Dayangku Aishah binte Pengiran Ali.

Sa-orang lagi penuntut Brunei, Awang Mustapha bin Haji Rahman yang sedang menuntut di-University of New England, Australia, juga pulang ka-tanah ayer semalam kerana chuti bagi musim puasa.

Awang Mustapha ada-lah penuntut tahun pertama dalam bahagian sosioloji di-universiti itu.

Murid2 S. M. Bt. Panggal pindah ka-sekolah baru

TUTONG. — Murid2 di-Sekolah Melayu Bukit Panggal, di-Daerah Tutong, baru2 ini telah pindah bangunan baru, yang telah siap di-bena baru2 ini.

Sa-orang juruchakap, bagi Jabatan Kerja Raya berkata, bangunan baru itu, mempunyai enam bilek darjah, dan telah di-bena, berhampiran dengan bangunan sekolah sementara, yang lama, yang telah

di-robohkan sa-belum membena sekolah baru itu di-mulakan.

Juruchakap itu berkata, lain2 kerja, termasuk pembenaan sa-buah dewan makan, dengan sa-buah bilek dapor, di-satu bahagian, dan tempat2 kediaman untuk guru2. Pembenaan itu, di-jangka siap pada awal tahun depan.

Perbelajaan membena sekolah itu, termasuk dewan

makan, dan tempat2 kediaman untuk guru2, di-anggarkan berjumlah \$180,000.00.

Juruchakap itu berkata, kerja2 tambahan ka-atas Sekolah Melayu Sinaut, di-daerah itu, telah siap kira2 lima bulan yang lalu.

Pembenaan itu, termasuk tambahan bilek2 darjah, dewan makan, tempat2 kediaman untuk guru2 dan lain2 lagi.

KHUTBAH JUMA'AT

**Jauhkan
daripada
menjadi
gulungan
yang
membazir**

Sa-telah kita menjalan ibadat puasa Ramadhan dengan menahan diri kita daripada makan minum dan membuat perkara2 membatalkan puasa dan mengurangkan pahala puasa kita dengan susah dan ketabahan hati, di-sertakan pula dengan berjaga pada tiap2 malam dengan sembahyang sunat tarawikh dan bertadris Al-Quran. Maka pada hari ini kita sedang menyembut Hari Raya yang di-suroh oleh 'Allah Subahanahu Wataala menuliakan dan membesarkan-nya. Oleh itu sambut-lah dengan meriah-nya mengikut dasar2 dan surohan Allah itu.

Di-dalam kita menyembut hari raya ini, kita hendak-lah ingat bahawa Allah tidak menyuroh orang Islam membuat satu2 perkara dengan boros (membazir) termasuk-lah menyembut kedatangan hari raya ini, kerana selalu kita lihat apabila sampai masa menjelang-nya Hari Raya kebanyakan orang Islam lupa akan diri dalam membeli belah untuk persediaan hari raya dengan membeli barang2 yang tidak mustahak dengan harga2 yang mahal dan akan mengeluarkan wang yang banyak sa-hingga tidak terfikir oleh-nya bahawa dia akan bertanggung jawab memberi nafkah ka-atas tanggungan-nya sa-lepas hari raya. Kadang2 pula ada di-antara Umat Islam menyembut Hari Raya ini terikut2 kapada bangsa2 atau Ugama2 yang bukan Islam menyembut hari2

besar mereka dengan memakan atau meminum barang2 yang haram dan perbuatan yang dimasok ka-dalam gulungan orang yang membazir ini, Tuhan telah menerangkan dalam firman-nya di-surat Al-Shara' ayat 25 yang bermaksud: "Dan jangan-lah kamu membazir dengan berlebih2an, sa-sungguh-nya orang yang boros (membazir) itu saudara shaitan, dan shaitan itu sangat kufurkan nikmat Tuhan".

Apa yang patut kita lakukan dalam masa menyembut hari raya ini ia-lah zarah menzarahi kaum keluaraya dan sahabat handai jauh dan dekat untuk memohon ampun dan ma'af dan menguatkan lagi tali persaudaran kita yang telah ada.

Puasa telah kita sempurnakan. Zakat Fitrah pula telah kita keluarkan, dan hari raya kita rayakan dengan penoh meriah-nya, di-samping kita berjaga2 dan mengikut dasar2 Islam tidak pula boros (membazir) dalam semua perbelanjaan kita. Muga2 kita umat Islam akan berjaya dan tegoh iktisad di-samping kuat mempertahankan ke-suchian Ugama Islam, dan jauh-lah kita dari perangai shaitan yang sentiasa kupurkan nikmat 'Allah. Masok-lah kita dalam gulungan orang2 salehan, berbahagia di-dunia dan di-akhirat. Amin ya'rabil alami.

SEJARAH RENGKAS PUASA BULAN RAMADHAN

(Dari muka 2)

panas kapada sa-bahagian lagi, tetapi menurut sistem Qamariah bulan dalam peredaran-nya mendatangkan perubahan musim panas dan sejok chara berganti2 terkena kapada seluruh dunia.

Umpama-nya pada tahun lepas di-Mekah dalam bulan Ramadhan waktu siang-nya 7½ jam dan udara-nya amat panas, maka peredaran bulan

menurut hitongan Qamariah tahun ini siang-nya 8 jam dan udara-nya agak lebeh sejok sedikit. Perubahan musim akan terkena dengan sama rata di-seluruh bahagian dunia merasa panjang pendek waktu siang dan ini amat-lah sesuai dengan tabi'at Ugama Islam sendiri yang bersasarkan persamaan antara manusia. Tidak mengira keturunan, puak, bangsa dan warna kulit.

Sa-bagai lagi dengan di-tetapkan bulan untuk berpuasa, maka seluruh dunia umat Islam telah di-gerakkan sa-rentak oleh amal puasa bagi membuat persediaan memerhatikan ketibaan bulan-nya dengan perasaan chemas berchampur suka gembira menjelang terbit anak bulan Ramadhan oleh semua gulungan miskin dan kaya, tuan dan pekerja, berpangkat rendah atau tinggi, orang yang berkulit puteh atau hitam, di-timor atau di-barat, dengan sa-rentak dan serta merta menja-di satu kumpulan umat yang menunggu2 kedatangan bulan Ramadhan.

Sekian serba sedikit 'Sejarah rengkas puasa di-bulan Ramadhan'. Sa-muga dapat-lah di-fahami untuk mendapat pengalamanan dan pengetahuan dan sa-muga kita beroleh Taufik dan Hidayah daripada Allah Ta'ala.

Perkhidmatan pos di-Pekan Bangar di-perluas

PEKAN BANGAR. — Pejabat Perkhidmatan Pos did-Daerah Temburong telah meluaskan lagi perkhidmatan-nya dengan menghantar surat2 ka-kawasan2 pendalaman di-daerah itu.

Sa-orang juruchapak Pejabat Perkhidmatan Pos berkata sa-buah perkhidmatan pos bergerak juga telah di-adakan untuk menghantar surat2 dan melanyani penduduk2 yang tinggal di-kawasan2 ulu sungai.

Sementara surat2 juga telah di-hantar ka-kampung di-sekitar Peka Bangar yang mempunyai perhubungan jalan raya oleh sa-orang posman yang bertugas di-Pejabat Pos Temburong.

Juruchapak itu berkata, Pejabat Perkhidmatan Pos di-daerah itu akan dapat meluaskan perkhidmatan-nya bagi kemudahan2 penduduk di-daerah itu apabila jalan2 raya yang menghubungkan kawasan pendalaman itu siap nanti.

Majlis perjumpaan Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Ikatan Kampong Peramu, PIKAP, telah mengadakan sambutan majlis perjumpaan, sempena Hari Raya Aidil Fitri bertempat di-Kampong Peramu, Kampong Ayer pada hari raya pertama yang telah lalu.

Di-antara achara2 yang telah di-persembahkan, ia-lah membacha sajak, ruangan terima-lah sampul surat aidil fitri, berbalas pantun dan menguduga akal.

Antara yang memberikan ucapan di-majlis itu, ia-lah wakil raayat Kampong Peramu, Awang Abdul Latif bin Ahmad.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 Dis. 1970 hingga ka-hari Selasa 8 Dis. 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
2 Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56 6-14
3 Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56 6-14
4 Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56 6-14
5 Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56 6-14
6 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59 6-17
7 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59 6-17
8 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59 6-17

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

2hb. Disember, 1970.

ORANG2 ISLAM YANG TIDAK BERSIKAP ISLAM

HARI Raya Fitrah ada-lah semata2 untuk Umat Islam dan kedatangan-nya di sambut oleh Umat Islam dengan perasaan yang chukup gembira yang tara-nya tiada melebehi dari perayaan2 yang lain. Namun demikian, di-antara Umat Islam yang menerima kedatangan-nya itu, maka tidak-lah semua-nya mengechup nikmat2 gembira dalam artikata kegembiraan yang sa-benar2-nya. Untok mengechup kegembiraan kerana kedatangan Hari Raya Fitrah itu di-rasakan mempunyai peringkat2 yang tersendir.

Pada kebiasaan-nya dan telah menjadi kenyataan di-mana2 pun Umat Islam berada, maka hampir saban tahun kita ikuti beberapa peristiwa yang menyedehkan bilamana saudara2 kita yang tiada bernasib baik di-dunia ini, miskin dan melarat telah menerima kedatangan Hari Raya dengan linangan ayer mata dan duka nastapa yang menyedehkan dada. Ini ada-lah berpuncha dari tekanan hidup yang amat menyedehkan.

Namun demikian, kita di-negeri ini ada-lah amat beruntung, kerana tidak mengikuti peristiwa2 kedudukan itu melanda diri kita di-sini — walau pun peristiwa2 itu serba mungkin ada, tetapi kita perchaya tidak-lah sabarat sapertimana yang di-terima oleh saudara2 Islam kita yang lain di-dunia ini. Demikian-lah pada kebiasaan-nya yang kita ikuti dari surat2 khabar dan karangan2 yang di-siarkan dari steshen2 radio dalam sambutan Hari Raya yang baru lalu ini.

Tetapi satu peringkat kegembiraan yang mungkin tidak dapat di-kechup oleh orang lain akan nikmat-nya dalam menyambut Hari Raya ini ia-lah di-kalangan orang2 yang berjaya menjalani ibadah puasa sa-bulan dan membuat amalan2 yang berkebakikan serta mengisi kan masa-nya sa-lepas berbuka puasa dengan membuat ibadah2 kerana Allah dalam sepanjang bulan Ramadhan yang berkat itu. Umat Islam yang di-katakan miskin dan melarat itu tidak pula semua-nya bersedeh yang bukan alang-kepalang, tetapi mereka yang kuat beriman akan menerima rahmat kegembiraan itu — kerana Allah tidak akan memungkirkan janji-nya untok memberi balasan baik terhadap orang2 yang beriman kerana-Nya.

Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, merupakan tangga utama bagi orang2 yang mengaku diri-nya Islam. Ada-nya orang2 Islam yang tidak bersikap Islam, seperti yang di-katakan oleh Pengetua Hal-Ehwal Ugama dalam ucapan Hari Raya yang lalu ada-lah merupakan anasir2 yang bakal memudarkan kesucian Ugama Islam yang di-rasmikan di-negeri ini. Untok membendong-nya, maka ada-lah tanggungjawab kita bersama, tetapi tidak terserah bulat2 kepada Jabatan Ugama saja.



Allah-hu Akhbar Walilla-hil-ham.

Sa-lain dari itu selawat dan salam bagi Nabi Besar kita, Saidana Mohammad s.a.w. kaum keluarga serta sahabat2 yang setia dan umat Muslimin seluruh-nya.

Assalamualaikum Warahmatullah-hi wabarkatuh.

Alhamdulillah, dengan keizinan Allah Subahanahu wata'ala dan limpah kurnia-nya maka dapat kita menikmati serta meraikan Hari Raya Aidil-fitri yang mulia lagi berkat dan bermunafat ini ia-lah pada menandakan betapa tabah-nya bagi suatu kemenangan yang gemilang bagi kita semua yang telah menyempurnakan satu rukun berpuasa dalam bulan Ramadhan sa-bagai laila Umat Islam yang benar2 pada mengukuhkan keimanan sa-bagai menganut yang menitek-beratkan atau pada menumpukan-nya laila hasrat hati dan ikhlas bagi mempelajari ugama Islam yang benar laila menuntut berjenis mata pelajaran yang berguna pada negeri dan kerajaan beta lebeh2 lagi bagi kapada mereka yang rajin bersungguh2 belajar laila ilmu pengetahuan. Beta berdo'a dengan harapan mudah2an amal ibadah kita yang munafat semua atau akan dapat diterima oleh Allah Subahanahu wata'ala Tohan seru sekalian alam yang menguasai negeri Akhirat yang benar2 menggalakkan hamba-nya sekalian pada membuat amal ibadah sentiasa dan tidak lekas melupakan budi dan laila nyata kesan jasa.

Awang2 dan Dayang2 ra'ayat beta yang di-kasehi sekalian.

Alhamdulillah kita semua sangat beruntung kerana dengan limpah kurnia Allah Subahanahu — wata'ala iua, maka kita di-kurniakan dengan suatu rukun yang mengalangi sa-bagai pelajaran, sa-bagai pengajaran2 dan tau-ladan2 ketabahan disiplin, tabah dan sabar berpuasa, tidak atau seperti yang beta

TITAH D.Y.M.M. SEMPENA HARI RAYA AIDIL-FITRI

TITAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang di-siarkan di-halaman ini ada-lah di-salin sa-penoh-nya dari pita yang di-kirim dari London.

Baginda pada masa ini sedang mengetuai rombongan Brunei ka-London untok mengadakan perbincangan2 dengan Kerajaan Baginda Queen mengenai hubungan masa depan kedua2 negara.

sebutkan itu kerana menahan nafsu yakni tidak makan, minum dari terbit fajar hingga waktu magrib.

Sifat yang berdesiplin itu, kita sa-bagai Umat Islam tegas-nya ra'ayat beta yang di-kasehi sekalian amat-lah memerlukan terutama sekali pada jangka waktu peredaran ini.

Negeri Brunei Darussalam sedang dan akan terus memasuki satu kehidupan yang mengandungi beberapa sifat dan churah yang belum pernah kita alami pada dulu2-nya.

Kehidupan dan sistem2 negeri kita yang terchinta ini hendaknya-lah di-sesuaikan dengan keafdhalan laila perkembangan2 di-dalam negeri terutama sekali yang berkaitan dengan kemajuan laila perusahaan amal laila ibadah baik di-segi sains dan teknologi atau sama ada dari segi metarial lebeh2 lagi dalam bidang berjenis2 ikhtiar yang di-terima oleh laila fikiran dan di-redhai Tohan. Ka-arrah inilah kita menuju dan pada menunjukkan negeri kita Brunei Darussalam.

Dengan sebab itu, Kerajaan beta sentiasa mengamati2 raayat beta dari segenap peringkat terhadap persesuaian masing2 pada mempermainkan peranan-nya bagi mengelakkan kebajikan dan berkebajikan, demikian juga menegah atau melarang membuat kejahatan dan melarang membuat perbuatan yang akan mendatangkan kejahatan Negeri Brunei Darussalam yang mempunyai laila isi dalam-nya.

Khas bagi pegawai2 Kerajaan, beta ingin mengingatkan bahawa pegawai2 Kerajaan ia-lah sa-bagai jentera pentadbiran Negeri Brunei Darussalam ini pada menchapai dan memperkembangkan dengan izin Tohan Brunei kekal menjadi sa-buah negeri adil bahagia patoh kapada undang2 dan peraturan — mendalami pelajaran Ugama Islam yang sentiasa menyuruh membuat bagi me-

lailakan langkah pembawaan semata2 untok memancharkan dan mengharumkan nama baik Negeri Brunei Darussalam.

Brunei sa-buah negeri yang molek, aman, tenteram, ma'amor laila sejahtara. Oleh itu tiap2 pegawai boleh-lah di-sifatkan sa-bagai sa-bahagian kechil betapa kukoh-nya jentera itu untok bersama2 bertugas pada mengelakkan lagi kesentosaan raayat dan keselamatan Negeri Brunei Darussalam.

Beta pada hari baik bulan baik laila suktu sempena yang mulia ini sukachita mengucapkan selamat berhari raya pada anggota2 keselamatan sama ada yang bertugas di-dalam pasukan Askar Melayu Di-Raja mahupun pasukan Pulis Di-Raja dan tentara Baginda Queen.

Dengan perasaan yang tulus ikhlas, beta juga mengucapkan terima kaseh pada mereka2 ini kerana usaha mereka yang tidak putus2 mengawal negeri untok mempertahankan keamanan dan kesentosaan laila isi negeri kita semua. Usaha2 ini sangat2-lah di-hargai oleh semua ra'ayat yang chintakan keselamatan, keamanan dan ketenteraman.

Soal berhubung dengan negeri ada-lah satu soal yang amat penting pada kita semua pada merenongkan kebahagiaan di-masa hadapan kita semua. Soal yang penting itu-lah juga membawa beta berangkat untok berunding dengan sahabat beta yang paling ikrah ia-itu United Kingdom. Insha'allah dengan keizinan-nya Allah Subahanahu — wata'ala, segala usaha2 itu akan mendapat kejayaan dan keselamatan serta ketenteraman dalam Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai akan terjamin.

Dengan itu beta bagi pehak diri beta dan keluarga beta mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil-fitri pada raayat dan penduduk2 laila isi negeri Brunei Darussalam. Wassalamualaikum Warahmatullah-hi Wabarkatuh.

UJUD-NYA UMAT ISLAM YANG BERPENDIRIAN DINGIN TERHADAP ISLAM

— UCHAPAN HARI RAYA OLEH:
**Y.B. PEHIN ORANG KAYA RATNA DI-RAJA
DATO UTAMA AWANG HAJI MD. ZAIN
BIN HAJI SERUDIN** — Pengetua Pegawai
Hal Ehwal Ugama, Brunei.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna
Di-Raja Dato Utama Awang Haji
Md. Zain.

Allahu Akhbar — Allahu
Akhbar — Allahu Ak-
hbar —

Di-hari yang berkat dan
mulia ini kita bersama2 me-
rayakan Hari Raya Puasa den-
gan kegembiraan dan kita
mengucapkan — selamat ber-
lalu-nya bulan Puasa yang
telah kita berbuat ibadat di-
dalam-nya semata2 menjun-
jong titah perintah Allah dan
menuntut keridhaan-nya.

Hari Raya menjelang tahun
demi tahun sa-sudah kita men-
jalani ibadat Puasa, tahun
demi tahun kita melalui late-
han2 jasmani dan rohani yang
di-berikan oleh ibadat puasa
dan tahun — demi tahun umur
kita semakin meningkat dan
semakin hampir kepada peng-
habisan-nya yang kita sendiri
tidak mengetahui titik peng-
habisan itu, pergantian hari
dan bulan serta peredaran
masa boleh memberi * dan
menambahkan pelajaran dan
pengalaman kepada sa-tiap
orang yang ingin memikirkan-
nya.

Tetapi Al-Quran tetap tidak
berubah, hanya sayang-nya —
sa-bahagian Umat Islam ma-
seh belum mengetahui akan
ajaran2 yang sa-benar-nya
mengenai dengan Al-Quran
dan yang menyedehkan ia-lah
kanak2 Islam tidak begitu
mendapat pengajaran men-
genai dengan ajaran2 Al-
Quran sama ada kerana pe-
luang tidak di-bukakan dengan
luas-nya atau pun tidak ada
peluang langsung dan yang
menyedehkan lagi ia-lah ujud-
nya sikap sa-bahagian Umat
Islam yang kerana kejahilan-
sendiri mengenai ajaran2 Al-
Quran itu atau pun kerana
fikiran dan pendirian-nya di-
pisungkan mengenai dengan
ajaran Al-Quran yang sa-
benar-nya, mereka itu ber-
pendirian dingin terhadap
Islam atau memusuhi ajaran2
Islam itu sendiri, perusohan
atau sikap yang dingin, sung-
goh pun kadang2 tidak di-
lahirkan dalam bentuk kata2
yang tegas, tetapi ternyata
daripada amalan dan perbuat-

an serta sikap dalam meng-
hadapi atau menimbangkan
mengenai dengan kepentingan
ajaran2 Islam dan Shi'ar-
Islam serta Umat Islam sen-
diri..

Kita di-Brunei menjunjong
hasrat Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Dan Yang Di-Pertuan yang
berchita2 untuk menjadikan
Islam Ideologi Negera ini,
saya berfikir bahawa chita2
dan hasrat Baginda itu san-
gat-lah murni dan terpanchar
dari hati sa-orang Sultan yang
takwa kepada Allah, sesuai

jangan lari daripada panduan
Allah bahkan kita hendak-lah
sentiasa mengikut dan men-
jalankan pertunjok2 Allah de-
ngan sa-penoh hati, pertun-
jok2 Allah itu ia-lah ajaran2
Al-Quran.

Saya berfikir dalam menyu-
sun rancangan2 dan dalam
berusaha untuk menuju ka-
arah terchapai-nya hasrat dan
chita2 Baginda itu kita ber-
hadapan dengan suatu per-
jalanan yang sangat panjang
dan terlalu jauh dan mungkin
menghadapi berbagai2 duga-
an, tetapi jika sa-kira-nya di-

**Untuk menchapai hasrat D.Y.M.M.
menjadikan Islam sa-bagai Ideologi
Negara ada-lah merupakan suatu
perjalanan yang sangat panjang
dan mungkin menghadapi
berbagai2 dugaan.**

dengan firman Tohan dalam
surah **Az-zariyat** ayat 56 yang
bermaksud:

**"Dan tidak-lah aku (To-
han) menchiptakan jin dan
manusia melainkan semata2
mereka itu untuk menyem-
bah dan memuja Aku".**

Erti-nya, Tohan menchipta-
kan kita manusia ini bukan-
lah untuk bersenang linang se-
mata2 melayan kehendak
hawa-nafsu yang tidak terba-
tas atau hidup dengan sa-suka
hati semata2 menurut fikiran
dan akal kita, bahkan hidup
kita ia-lah untuk menerima
pimpinan dan pertunjok dari-
pada Allah, sunggoh pun kita
hidup menggunakan fikiran
menggunakan akal, tetapi akal
dan fikiran kita itu hendak-lah

fahami benar2 oleh seluruh
raayat dan penduduk negeri
ini khas-nya Pegawai2 Kera-
jaan Duli Yang Maha Mu-
lia yang ta'at dan jujur ber-
khidmat untuk kebahagiaan
dan keselamatan negeri ini
akan titah Baginda yang ber-
bunyi:

**"Memang-lah menjadi has-
rat dan chita2 beta supaya
Islam di-jadikan suatu
chara hidup yang lengkap
dan sempurna bagi Negeri
Brunei Darussalam yang di-
kasehi ini, dan supaya sa-
sa-tiap raayat Negeri ini
yang ta'at setia-nya tidak
berbelah bahagi kepada Ne-
geri Brunei Darussalam den-
gan tidak mengira bangsa
dan Ugama hendak-lah me-
mahami dengan sempurna-
nya akan hasrat dan chita2**

itu, serta sa-tiap tindakan
dan usaha hendak-lah di-
buat bagi menuju ka-arrah
matalamat itu bagi mencha-
pai-nya, mudahan kita akan
mendapat hasil dan faedah,
baik di-dunia mahu pun di-
akhirat.

Sa-benar-nya untuk men-
chapai hasrat dan chita2 itu,
— bagi raayat yang telah
dewasa mahu-lah mengada-
kan laila kesejahteraan
penyesuaian2 dalam sa-tiap
tindakan kebajikan dan laila
hasrat itu akan di-chapai
sa-chara teratur dan sem-
purna." Demikian titah Ba-
ginda.

Maka saya berfikir sudah
sa-patut-nya seluruh raayat
dan penduduk yang telah de-
wasa akan mengambil tinda-
kan dan usaha2 serta meng-
adakan penyesuaian2 dalam
menuju ka-arrah matalamat
itu.

Oleh itu jalan yang terlalu
jauh dan sangat panjang itu
akan kita lalui dengan tekad
yang penoh bertawakkal ka-
pada Allah, dan bersampena
dengan Hari Raya yang mulia
ini saya berseru kepada Umat
Islam di-negeri ini khas-nya
dan raayat dan penduduk ne-
geri ini yang bukan berugama
Ideologi Negara ini dan be-
sama2 memahami akan hasrat
Duli Yang Maha Mulia untuk
menjadikan Ugama Islam satu
Ideologi Negara ini dan be-
kerjasama bagi melaksanak-
nya dengan penoh kejujuran
semoga Allah akan member-
kati usaha2 dan hasrat Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan serta semoga Al-
lah akan mengurniakan rah-
mat-nya yang berkekalan ka-
pada kita di-Negeri Brunei
Darussalam yang terchinta ini.

**Allahu Akhbar — Allahu
Akhbar — Allahu Ak-
hbar Allahu Akhbar —
Walillah Ilham.**

BENTOK DAN TUJUAN PUASA DALAM ISLAM

Dengan kerasulan Junjongan kita Mohammad s.a.w. membawa Ugama Islam, maka amal puasa yang di-waritih daripada Nabi2 yang terdahulu telah mengambil bentok-nya dan tujuan-nya yang baharu dan tersendiri.

Islam menjadikan puasa sa-bagai usaha atau jalan mem-bereehkan jiwa dan kero-hanian manusia dalam mem-chapai matalamat atau tujuan yang lebeh tinggi dan murni ia-itu mengawal disiplin untok mendampingi dan men-dapat keredhaan Allah yang menjadikan-nya. Dan kerana itu puasa telah di-wajibkan sa-bulan sa-tiap tahun dan di-jadikan ia satu daripada Ru-kun Islam yang lima. Dan ti-dak-lah puasa itu di-lakukan sa-mata2 kerana suka atau duka.

Tujuan puasa di-dalam Ugama Islam saperti yang tersebut tadi di-terangkan oleh Allah dengan dua kalimat sa-haja di-akhir ayat 183 Surah Al-Bakarah, firman Allah itu yang kira2 maksud-nya:

"Supaya mudah2an kamu mengawal hawa nafsu (ber-desiplin) untok bertakwa".

Ayat 183 yang sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

"Wahai orang yang beri-man! telah di-fardhukan ka-tas kamu puasa Ramadhan, saperti telah di-fardhukan atas umat yang terdahulu sa-belum kamu supaya mu-dah2an kamu mengawal nafsu (bertakwa)".

Maka segala amal puasa sama ada yang wajib (fardhu) atau yang sunat yang di-shara'-kan dalam Islam ada-lah ber-tujuan untok menguji sa-juah manakah kebolehan dan ketabahan sa-seorang menang-gong derita dalam menyem-purnakan puasa, ia-itu meny-nahan dari tuntutan tabi'i tuboh badan manusia, saperti makan minum, bersuka2 dengan anak isteri dan sa-bagai-nya di-se-panjang siang hari sa-lama sa-bulan (bulan) puasa itu.

Manusia ini di-dalam hidup-nya maseh sentiasa terancham oleh durongan hawa nafsu sa-lagi darah-nya maseh panas mengalir dan bergelora di-dalam tuboh-nya yang mana nafsu itu beroleh kekuatan-nya daripada makanan, minuman, chakap2 yang membanggakan, permainan dan kesukaan2 yang berlebeh2an dan mem-beri perhatian yang berleluasa terhadap kemahuan sex atau jantina, kegeloraan hawa nafsu hasil dari perkara2 tabi'i yang tersebut tadi selalu-nya me-

SEJARAH RENGKAS PUASA BULAN RAMADHAN (SAMBONGAN)

OLEH:

USTAZ ABDUL LATIF HAJI HASHIM

narek hati kapada melakukan perbuatan2 yang padah-nya burok kapada diri sendiri atau kapada orang lain di-dalam masharakat-nya.

Hal ini di-peringatkan Allah dalam Surah Yusuf ayat 53 yang mencheritakan perkata-an Nabi Yusuf a.s. yang kiri2 arti-nya:

"Dan tidak-lah aku berani mengakui berseh-nya nafsu-ku kerana nafsu mendesak ka-arrah perbuatan burok, melainkan jika di-kasehani oleh Tuhan ku".

Telah di-terangkan di-dalam satu hadith riwayat Al-Bukhari dan Muslim, bahawa Rasullullah s.a.w. telah bersabda yang lebeh kurang arti-nya:

"Barang siapa berpuasa dan ia tidak meninggalkan perkataan dusta atau ber-amal dengan amal dusta maka Allah tiada berhajat bagi-nya berpuasa mening-galkan makan dan minum."

Di-dalam satu hadith Al-Bukhari dan Muslim meri-wayatkan sabda Rasullullah s.a.w. yang maksud-nya:

"Barang siapa berpuasa Ramadhan kerana iman-nya dan di-lakukan dengan per-hitongan yang chermat (ikhlas kerana Allah) neschaya di-ampuni dosa-nya yang telah lalu".

Dari keterangan2 yang ter-sebut, ternyata bahawa ibadat puasa telah di-fardhukan ka-pada Umat Islam dalam bentok yang lebeh sempurna dengan tujuan yang lebeh nyata untok menegohkan desiplin diri, menchegegah penul-an sa-tiap orang, supaya penyakit itu tidak membina-sakan orang dan supaya umat Islam menjadi umat yang dapat menguasai nafsu-nya, bukan ia di-kuasai oleh hawa nafsu, mereka harus menjadi chontoh ikutan umat lain di-dunia ini untok keselamatan dan kesuboran hidup yang sehat bagi seluroh manusia.

Demikian-lah bentok puasa yang di-perkenalkan oleh Ugama Islam dan bentok ba-haru itu menjadikan-nya suatu amal yang mesti (fardhu) sa-

lama sa-bulan dalam sa-tiap tahun, ada-lah memberi gam-baran yang nyata atas sikap tegas dan praktikal ba-hawa puasa di-tujukan kapada ke-suchian jiwa yang murni.

Di-samping itu ada juga pendapat ulama yang menga-takan bahawa sa-lain dari tujuan itu, amal puasa ini ada-lah juga di-maksudkan supaya umat Islam sentiasa siap sedia membiasakan diri meng-hadapi penderitaan jasmani, bahkan sanggup menjadi umat yang tahan lasak mempertahankan iman dan kebenaran, kerana segala penderitaan hua dan, lapar itu amat-lah kechil di-banding dengan ma-talamat yang maha agong dan mulia ia-itu kesuchian jiwa dan keredhaan Allah Tuhan yang maha berkuasa.

PERUNDANGAN PUASA PADA SHARA'

Perintah mewajibkan puasa sa-bulan Ramadhan dan men-entukan bulan-nya telah di-turunkan di-Madinah pada tahun yang kedua daripada Hijrah, dengan dua ayat Al-Quran yang kira2 bermaksud:

"Bulan Ramadhan ia-lah bulan yang pada-nya di-turunkan Al-Quran untok menjadi panduan bagi ma-nusia dan keterangan2 dari-pada panduan itu dan per-bedzaan yang benar dari yang tidak benar, maka barang siapa daripada kamu telah melihat anak bulan itu hendak-lah ia berpuasa pada-nya".

Banyak hadith2 yang meng-uatkan perintah wajib-nya puasa Ramadhan, saperti hadith yang menerangkan Rasullullah s.a.w. yang ber-masok-lah puasa Ramadhan.

Satu hadith daripada Abu Hurairah r.a. telah bersabda Rasullullah s.a.w. yang ber-maksud:

"Berpuasa-lah kamu kerana melihat anak bulan itu (Ra-madhan) dan berbuka-lah (raya) kamu kerana melihat anak bulan (Shawal), maka jika anak bulan itu di-lin-dongi awan hendak-lah di-genapkan bulan Sha'aban 30 hari".

Sa-belum puasa di-wajib-kan pada bulan Ramadhan,

amalan ini sudah pun di-laku-kan oleh Junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. sa-bagai puasa sunat pada waktu2 yang tidak di-tetapkan.

Di-antara-nya ia-lah puasa pada hari 'Ashura (10 haribu-lan Muharam). Syedatina Aishah r.a. meriwayatkan baha-wa puasa pada hari Ashura itu di-lakukan oleh orang2 Quraish di-Mekah dan Rasul-ullah bersetuju amalan itu di-teruskan hingga-lah baginda berhijrah ka-Madinah. Tetapi menurut Ibnu Abbas r.a. yang tersebut dalam kitab **Sahih Al-Bukhari**, bahawa puasa 10hb. Muharam itu di-lakukan ba-ginda lepas hijrah.

Baginda melihat orang2 Ya-hudi berpuasa pada hari itu. Kata mereka kerana mengin-gati tarikh bebas-nya Nabi Musa a.s. dan kaum-nya dari-pada kedzaliman Firaun, men-dengar demikian baginda pun bersabda:

"Kami Umat Islam lebeh hampir kapada Musa dan lebeh berhak puasa pada-nya daripada orang2 Yahu-di".

Lalu di-suroh pengikut2-nya berpuasa pada 10hb. Muharam.

Bulan Ramadhan telah di-pileh menjadi bulan untok berpuasa bukan-lah tiada se-bab2-nya. Saperti yang di-terangkan di-atas tadi, baha-wa Al-Quran mula di-turun-kan kapada Nabi Mohammad s.a.w. ia-lah di-dalam bulan Ramadhan, yang mana Al-Quran di-turunkan sedikit mengambit masa lebeh kurang 23 tahun, bermula dengan ayat pertama-nya yang di-turunkan **di-Gua Hira'**

Mungkin akan timbul per-tanyaan mengapakah di-pileh berpuasa dalam bulan Rama-dhan menurut kiraan **Qama-riah** (Luna System), tidak di-pileh bulan menurut kiraan **Shamshiah** (Solar System)?

Jawab-nya bahawa sistem Shamsiah ada-lah mendatang-kan waktu siang yang lebeh pendek dan udara yang sejok kapada sa-bahagian dunia dan memberi waktu siang lebeh panjang dan udara yang lebeh

(Lihat Muka 3)

Jawatan-Jawatan Kosong

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

(a) PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II

- satu jawatan di-Sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Seri Begawan.
- satu jawatan di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sedikit pengalaman dalam kerja2 setor.

Tugas2

Menerima dan menyimpan perkakas2 dan bahan2 pertukangan yang di-beli dan membekalkan-nya ka-wokshop2 latehan. Membeli serta membuat pesanan2 untuk barang2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2-3 — \$270x15—360x20—480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PEMBANTU TEKNIK TINGKATAN III

- Bagi sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Seri Begawan.

Sa-bagai Tukang Lukis

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Tukang Lukis di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan Form I Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam Jabatan Lukis Akitek atau Jurutera.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1—2 EB 3 — \$200x10-270 / EB / 280x10-330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 23hb. Disember, 1970.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang mempunyai salah satu daripada kelulusan2 yang berikut:—

- City and Guilds Certificate in Mechanical Engineering craft Practice Parts I and II.
- Trade Test in Fitting yang di-akui.

Pengalaman:

Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam kerja2 fitting kejuruteraan 'am.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya akan dikehendaki memperbaiki dan memelihara semua mesin2, alat dan perkakas2 tangan yang di-gunakan dalam sekolah yang meliputi dalam sekolah yang meliputi mesin2 pertukangan kayu, builders plant (pembanchoh simen, dll), alat2 pertukangan paip, alat2 penyambor, perkakas tangan (pertukangan kayu, batu bata, paip, mengchat), alat2 dapur, kenderaan bermotor serta membantu dalam kerja2 memelihara bangunan2 sekolah tersebut. Mereka tidak dikehendaki memperbaiki kerosakan2 lektrik.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2-3 — \$270x15—360x20—480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(c) STEWARD

- satu jawatan di-sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Seri Begawan.
- satu jawatan di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.

Kelayakan2:

Hendak-lah mempunyai pengalaman menyelia pekerja2 dan sabai2-nya mempunyai penkalaman sa-bagai Tradesman dalam Pembangunan dan Kejuruteraan.

Tugas2:

Menyelia dan menyelaraskan tugas2 pekerja di-bawah arahan-nya. Menjalankan pemeriksaan terhadap jentera2, bangunan2 dan kawasan sekolah dan membuat lain2 pekerjaan sebagaimana yang di-arahkan oleh Pengetua sekolah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.3 — \$280 x10—330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman

(d) PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

Tugas2:

Menerima dan menyimpan perkakas2 dan bahan2 pertukangan yang di-beli dan membekalkan-nya ka-workshop2 latehan. Menjaga stockbooks.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1—2 EB 3 — \$200x10—270 / EB / 280x10—330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkotrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi

chalun2 yang berjaya terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkotrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 15hb. Disember, 1970.

Sa-bagai Penyelia Teknik Kanan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan Penyelia Teknik Kanan di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

Umur dari 30 hingga 40 tahun. Berkelayakan hingga ka-perengkat Diploma dan/atau mempunyai 10 tahun pengalaman praktikal dalam kerja2 pengukoran Tanah, Parit dan Taliayer dan Kejuruteraan. Kebolehan menggunakan alat2 stereogrammetric dan menyedia peta2 dari gambar2 yang di-ambil dari udara ada-lah di-angap perlu. Sa-banyak sedikit pengalaman dalam kerja2 menchari sumbar2 ayer merupakan satu kelebihan. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan cekap.

Tugas2:

Untuk bertugas di-Jabatan Pertanian di-bawah arahan Jurutera Parit dan Taliayer dan mesti-lah sedia untuk membuat lain2 pekerjaan di-dalam pejabat.

Gaji:

Dalam sukatan gaji CI EB 2 — \$570x30-630 / EB / 660x30-900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan

ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkotrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama a6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkotrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 5hb. Disember, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Uchapan Selamat Hari Raya

Y.A.B. Menteri Besar

BERIKUT ia-lah sabda sa-penoh-nya dari Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Menteri Besar Brunei untuk mengalu2kan ketibaan Hari Raya Aidil-Fitri dan mengucapkan selamat Hari Raya kepada seluruh rakyat negeri ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara ia-lah di-antara ahli2 dalam rombongan D.Y.M.M. ka-London dan sabda ini ada-lah di-salin dari pita yang di-kirim dari London.

Allahhu akhbar! Allahhu akhbar! Allahhu Akhbar! Allahhu akhbar! Walil-lah hilham.

Allah hanya-lah dia, Allah Subha-nahu wata'ala, Tohan yang kita sembah yang maha pemurah lagi pengasihani akan mengetahui segala2 perbuatan dan perasaan hamba-nya, sama ada yang dahir mahupun bathin, sama ada yang merupakan kebajikan dan mulia atau sa-balek-nya, yang mana semuanya ini akan mendapat balasan. Tiap tahun di-bulan Ramadhan Umat Islam yang ta'at dan beriman dengan khusu' dan tawadhu' menunaikan perintah Allah kita berpuasa.

Puasa menunaikan rukun Islam yang di-wajibkan Allah ka-atas kita Umat Islam, sa-telah dengan ta'at penoh beriman kita menunaikan perintah-nya, maka hari ini kita menyambut rahmat dan nikmat amalan kita dengan perasaan gembira, menyambut rahmat dan nikmat amalan kita dengan perasaan gembira dan bershukor kapada-nya semoga amalan mulia kita itu di-terima-nya dan dengan ikrar ash-hadu 'an la-illah-ha-illah, wa-ash-hadu 'an-na Mohammad dar-rasu-lullah, saya dari negara dingin ini mengucapkan selamat hari raya aidil-fitri kapada sekalian sahabat handai dan seluruh Umat Islam di-Brunei.

Semoga dengan sempena hari raya ini akan membawa rahmat Tohan kapada kita untuk lebeh2 lagi berazam untuk berbakti kapada-nya dan semoga dengan ilham Allah kita akan terus menunaikan kewajipan kita terhadap bangsa dan Negara Brunei Darussalam ini, dengan penoh semangat dan tabah beriman untuk mengekalkan Brunei sa-bagai sa-buah negara, negara yang ma'amor sejahtera, negara dan bangsa yang mempunyai identiti-nya sendiri dan semoga seluruh rakyat yang ta'at dan mengaku bahawa Brunei Darussalam ini ada-lah tanah ayer-nya akan bertambah2 sedar akan kewajipan dan tanggung jawab-nya sa-bagai sa-orang rakyat terhadap bangsa, negara dan raja-nya.

Kecil sesungguh-nya negara kita, kecil atau besar bukan-lah menjadi ukuran bagi mengujukkan sa-buah negara yang dinamik ma'amor dan sejahtera. Kecil tidak-lah menghalang kita dari menegakkan keamanan dan mempertahankan hak kedaulatan sesuatu bangsa dan negara dalam menunaikan kewajipan-nya terhadap negeri yang di-redahi oleh Allah. Biasanya di-Hari Raya yang mulia seperti ini saya dengan perasaan shukor alhamdulillah bersama2 dengan sahabat handai, teman seperjuangan dan sa-perjawatan dan seluruh Umat Islam di-Brunei bergembira, bersalaman2 menyambut hari raya aidil-fitri ini, tetapi sa-telah dua tahun berturut2 saya tidak dapat sama bersalaman2an mesra.

Kewajipan dan tanggung jawab terhadap bangsa dan negara-lah yang menyebabkan saya tidak dapat bersama2 tetapi walaupun saya beribu2 batu terpisah dari tanah ayer yang di-chintai di-hari raya yang mulia ini dan dengan semangat dan rasa kasih sayang tetap bersama2 Awang2 dan Dayang2 sekalian di-Brunei dan dengan perasaan muhibbah dan do'a yang tulus ikhlas saya mengucapkan selamat hari raya aidil fitri semoga bahagia dan sentosa.



Y.A.M. Pg. Setia Negara



Sa-bahagian besar dari perojek pembinaan jalan raya di-Daerah Temburong telah hampir2 siap dengan di-buboh batu2 dan tidak lagi merupakan jalan tanah merah. Jalan2 raya itu kemudian akan di-buboh tar sapertimana yang terdapat di-jalan2 raya di-bandar2 yang lain di-negeri ini.

Jambatan2 di-antara Pekan Bangar dengan Labu Estate semuanya telah siap, kechuali sa-buah lagi jambatan yang menyeberangi Sungai Senukoh. Sementara jalan2 dari Pekan Bangar ka-Ulu Temburong semua-nya telah siap.

Gambar atas menunjukkan keadaan salah satu jalan yang di-bena di-Temburong. Gambar ini di-ambil dalam tahun lepas dalam masa kerja2 peringkat permulaan di-jalankan, tetapi pada hari ini jalan tersebut telah lebeh sempurna, hanya belum di-buboh tar saja lagi.

10 orang lagi guru S'pura utk berkhidmat di-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pegawai2 Kementerian Pelajaran di-Singapura dengan bantuan sa-orang wakil dari Jabatan Pelajaran Brunei telah mengadakan temu duga dalam minggu lepas ka-atas guru2 Singapura yang telah memohon bagi di-pinjam kapada Brunei selama dua tahun.

Wakil itu ia-lah Chegu Abdul Jalil bin Abdul Rahman, Pengetua Sekolah Menengah Melayu di-Jalan Muara.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata, kerajaan Singapura telah bersetuju untuk menghantar 10 orang guru ka-Brunei yang di-jangka akan tiba di-sini dalam bulan Januari tahun depan.

Juruchakap itu berkata, mereka akan di-tempatkan di-Sekolah Menen-

gah Melayu di-Jalan Muara kerana kemasokan murid2 ka-sekolah itu akan bertambah dalam tahun depan. Murid2 baru itu ia-lah mereka yang telah lulus tingkatan tiga dalam sekolah2 menengah rendah di-seluruh negeri.

Juruchakap itu menerangkan bahawa kerajaan Singapura juga telah bersetuju untuk membenarkan 10 orang guru Singapura yang sekarang mengajar di-Brunei untuk melanjutkan tempoh pinjaman mereka bagi dua tahun lagi jika mereka suka.

Beliau berkata, Jabatan Pelajaran akan menghubungi mereka sama ada mereka ingin hendak menyambong perkhidmatan mereka selama dua tahun lagi sa-lepas tempoh yang pertama ini berakhir.

Pmk. M.B. melawat Daerah Temburong

PEKAN BANGAR — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia, Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, telah melawat ka-Daerah Temburong pada hari Sabtu lalu untuk memperhatikan kemajuan perkembangan projek2 di-daerah itu.

Beliau telah di-iringi oleh Awang Jaya bin Abdul Latif dan Awang Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Sulaiman kedua2nya pegawai2 pentadbiran di-Setia Usaha Kerajaan dan Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Mohamed Taib, Penolong Peribadi kapada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Ketibaan Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin dan rombongan telah di-sambut oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Salleh bin Hidup.

Pemangku Menteri Besar juga telah mengadakan perbincangan dengan pegawai daerah mengenai berbagai projek perkembangan yang telah di-laksanakan dan projek2 yang sedang di-jalankan oleh kerajaan.

Beliau kemudian-nya telah diterangkan sa-chara ringkas berkenaan projek2 itu oleh Awang Salleh.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin juga melawat ka-ladang penterakan lembu Jabatan Pertanian di-Labu Estate dan Steshen Pertanian di-Puni.

Pegawai Temburong dan Pegawai Pertanian dari Pejabat Pertanian Pekan Bangar, Awang C.R. Brears telah menyertai Pemangku Menteri Besar dalam lawatan-nya di-daerah itu.

Pada hari Khamis lepas, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara juga telah melawat ka-Steshen Pertanian di-Luahan dan ka-Padang Ternakan di-Jerudong.

Di-Steshen Pertanian di-Luahan Yang Amat Mulia telah melihat 40 ekor lembu jenis Kedah yang telah tiba dari Malaysia Barat baru2 ini.

Pangkalan Si-Babau di-jadikan tempat peranginan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Daerah Brunei/Muara ada-lah membuka sa-bidang tanah di-Pangkalan Si-Babau yang menghala Kuala Brunei, dekat Muara, bagi di-jadikan tempat peranginan tepi pantai.

Tempat peranginan yang diranchangkan itu ada-lah 10 batu jauh-nya dari Bandar Seri Begawan dengan melalui Jalan Residency/Kota Batu.

Sa-orang juruchakap bagi Pejabat Daerah Brunei/Muara berkata, tempat peranginan itu panjang-nya kira2 satu batu di-pantai sungai Kuala Brunei.

Juruchakap itu berkata lagi, pembinaan bangunan2 dan taman2 akan bermula pada tahun depan.

Kata-nya lagi, sebab membuka tanah itu bagi di-jadikan tempat peranginan ia-lah sejajar dengan beberapa projek pembangunan yang sekarang ini sedang berjalan di-negeri ini.

Juruchakap itu menambah-kata, tempat peranginan itu akan memberi kemudahan bagi berehat dan berkelah kapada orang ramai.